

03 NOV 1998

MAHATHIR-AGENSI PENARAFAN/I

AGENSI PENARAFAN ANTARABANGSA MESTILAH MENARAF DI ATAS PERMINTAAN

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Agensi penarafan antarabangsa yang banyak membawa keburukan daripada kebaikan kepada ekonomi-ekonomi yang sedang berusaha memulihkan diri daripada krisis matawang, mestilah membuat penarafan hanya apabila ia diminta melakukannya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Beliau berkata sebagai contoh, mereka sepatutnya hanya membuat penarafan bagi pembeli syarikat atau pihak yang memberikan pinjaman.

Pada awalnya agensi terbabit hanya membuat penarafan berdasarkan kepada permintaan bagi membantu pembeli syarikat ditaraf untuk menentukan nilai syarikat yang dibeli atau kepada pemberi pinjaman dalam memutuskan sama ada untuk memberi pinjaman atau tidak, katanya.

Dr Mahathir juga mempersoalkan motif mereka dalam menurunkan gred penarafan bon Malaysia ketika Pengurusan Danaharta Bhd dan Danamodal Nasional Bhd dibentuk dan bersiap sedia untuk mengumpulkan dana di luar negara, menyatakan "jika ia bukan untuk menghalang kita daripada meminjam wang."

"Ia seolah-olah menghalang kita daripada pulih," katanya ketika sesi dialog di akhir seminar mengenai "Menguruskan Krisis Kewangan Asia: Pengajaran dan Cabaran."

Beliau berkata agensi penarafan kini mendapati mereka boleh mengenakan bayaran bagi sesiapa yang mahu menggunakan penarafan di mana mereka lakukan tanpa permintaan daripada pihak terbabit.

"Apakah jenis perniagaan yang dilakukan oleh mereka yang pergi membuat penarafan tanpa permintaan," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata agensi-agensi itu merasakan mereka memperoleh kuasa sepenuhnya untuk menyulitkan kehidupan orang lain, sambil menambah kemusnahan yang dihasilkan oleh mereka apabila menurunkan taraf adalah sangat besar.

"Sesebuah negara, sebagai contohnya, akan menjadi bertambah miskin kerana agensi-agensi itu mempunyai banyak pengikut," katanya.

Beliau berkata agensi penarafan sepatutnya tidak menyiarkan penarafan yang dilakukan oleh mereka di atas permintaan.

Dr Mahathir juga mencadangkan apabila agensi penarafan membuat penarafan, mereka sepatutnya mengenalpasti faktor-faktor lemah agar satu tindakan pembedahan boleh diambil.

Agensi penarafan sendiri adalah tidak telus kerana asas yang digunakan oleh mereka ketika menaraf sesebuah syarikat dan negara tidak diketahui, katanya.

"Jangan minta kerajaan menjadi lebih telus jika anda sendiri tidak telus, apa yang pasti, terdapat keperluan bagi satu bentuk kawal selia terhadap agensi penarafan seperti itu," katanya.

Beliau juga mempersoalkan identiti pemegang saham di sebalik agensi-agensi terbabit dan sama ada bank memiliki ia ataupun tidak.

Ini adalah kerana bank-bank memperoleh keuntungan daripada mengenakan kadar faedah tinggi kepada negara-negara yang tidak mampu untuk mengumpulkan bon di luar negara.

Dr Mahathir juga menyelar balas pengurus kewangan Barat yang menyatakan Asia sepatutnya lebih berhemat bagi membendung krisis kewangan ketika ini.

Katanya bank-bank Barat sebenarnya tidak berhemat apabila mereka mendedahkan diri mereka sendiri tanpa perlu dengan memberi pinjaman wang kepada Long Term Capital Management, dana lindung nilai di Amerika

Syarikat.

"Ketika LTCM mendapatkan 200 kali modalnya, bolehkah anda memanggilnya sebagai berhemat dan lagi kita pula disuruh lebih berhemat.

Beliau berkata negara-negara Asia juga diberi amaran mereka akan menerima akibat daripada orang-orang seperti itu "tetapi sesiapa yang bertindak menentang kita bekerja dengan bank tidak berhemat."

Dr Mahathir juga berkata beliau menyambut baik penggunaan dana ekuiti swasta bagi membantu pemulihan syarikat Malaysia.

Bagaimanapun, beliau berkata dana seumpama itu cenderung untuk mengikuti aliran spekulatif dalam pasaran saham.

Perdana Menteri juga berkata jika terdapat permintaan bagi aliran bebas dana, sepatutnya terdapat satu pengawalan ke atas penghijrahan penduduk.

Sebagai contoh, rakyat di Eropah Timur sepatutnya dibenarkan untuk berhijrah ke negara lebih makmur di Eropah Barat dan rakyat Afrika dan Amerika Latin dibenarkan berhijrah ke utara.

"Saya percaya ia akan berlaku," tambahnya.

Dr Mahathir berkata penduduk yang berhijrah juga sepatutnya diberikan hak yang sama dan ia termasuklah hak untuk mengundi, menjadi anggota dan malahan menteri Kabinet.

-- BERNAMA

AD/MSL ZK MA